

Bil(16)dlm.PWN.Sel.(P) 869/4/1



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2008

Kepada
Semua Pegawai Daerah,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**PINDAAN GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN)**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Daerah mengenai pindaan garis panduan penggunaan peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Pejabat-Pejabat Daerah/Tanah.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada masa ini, peraturan mengenai sumbangan dan program-program di luar kawasan DUN adalah tidak dibenarkan sama sekali. Bagi memastikan semua ADUN dapat menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat, kelonggaran perlu diberikan kepada ADUN supaya lebih fleksibel dalam menguruskan peruntukan ADUN dan matlamat Negeri Berkeadilan dapat dicapai.

3. SUMBANGAN DAN PROGRAM-PROGRAM DI LUAR KAWASAN ADUN

3.1 Para 3.1.7 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2008 dipinda seperti berikut:-

3.1.1 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN) dibenarkan menggunakan sehingga RM100,000.00 daripada peruntukan ADUN mereka bagi mengadakan program-program mesra rakyat, projek kecil pembangunan dan sumbangan kemasyarakatan di seluruh Negeri Selangor. Sebagai contoh:-

BIL	ADUN	CONTOH
1	Pandamaran	Peruntukan RM600,000.00 Sejumlah RM100,000.00 digunakan bagi perbelanjaan di luar kawasan DUN Pandamaran. <u>Contoh kes</u> Menjalankan projek kecil pembangunan bagi Surau Nurul Ikhsan, Sungai Nibong, Sekinchan.
2	Kota Anggerik	Peruntukan RM600,000.00 Sejumlah RM100,000.00 digunakan bagi perbelanjaan di luar kawasan DUN Kota Anggerik. <u>Contoh kes</u> Mengadakan Majlis Meraikan Jemaah Haji di Masjid As Salam, Puchong Perdana. Jemputan yang hadir adalah terdiri daripada penduduk DUN Kota Anggerik.

3.1.2 Ahli Dewan Undangan Negeri adalah dibenarkan menggunakan peruntukan ADUN mereka tujuan pemberian sumbangan kemasyarakatan atau mengadakan program-program mesra rakyat di luar kawasan DUN masing-masing dengan syarat ia memberi manfaat kepada majoriti penduduk di kawasan DUN berkenaan.

4. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 4.1 Pegawai Pengawal perlu memastikan kelonggaran yang diberikan ini dapat digunakan dengan sewajarnya oleh setiap ADUN bagi memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara.
- 4.2 Bagi memastikan perbelanjaan peruntukan ADUN dapat diuruskan dengan berkesan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan setiap laporan perbelanjaan bulanan peruntukan ADUN dikemas kini secara berjadual di agensi masing-masing.

5. TARIKH KUAT KUASA PEKELILING

- 5.1 Arahan ini adalah berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama dengan lain-lain Surat Pekeliling Perbendaharaan mengenai penggunaan peruntukan ADUN yang telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor.

5.2 Dengan berkuat kuasa Surat Pekeliling ini, maka Para 3.1.7 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2008 adalah terbatal.

5.3 Arahan ini adalah tertakluk kepada prosedur kewangan serta lain-lain peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh : November 2008